

10 NOV 1999

Bubar-Reaksi (BN)

TOKOH-TOKOH BN YAKIN AKAN KEJAYAAN PARTI

PUTRAJAYA, 10 Nov (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata yang Barisan National (BN) telah memerintah negara dengan baik, dan hakikat itu tidak boleh dinafikan oleh rakyat.

Beliau berkata, rakyat juga sedar yang mereka telah bangkit kembali daripada krisis ekonomi dan kewangan dan mereka berterima kasih kepada kepimpinan berani Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya berpendapat rakyat di seluruh negara sedar yang BN telah memerintah dengan baik," kata beliau kepada pemberita di sini sebagai reaksi kepada pengumuman Perdana Menteri yang Dewan Rakyat akan dibubarkan esok untuk membuka laluan bagi pilihan raya umum ke 10.

Dr Ling berkata: "Rakyat tahu yang baru setahun lepas kita berhadapan dengan krisis paling meruncing sejak kita merdeka, dan oleh kerana keberanian, pemikiran radikal dan wawasan Dr Mahathir, negara berjaya bangkit daripada kemelut ekonomi."

Mengenai kenyataan Perdana Menteri yang pembangkang mungkin menggunakan kempen agresif, beliau berkata secara amnya rakyat Malaysia mencintakan keamanan.

Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata, BN akan terus menjelajah seluruh negara hingga ke akar umbi untuk memastikan kejayaan perikatan itu dalam pilihan raya kali ini.

Sementara itu Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik menjangka isu-isu keagamaan dan perkauman ditimbulkan oleh pembangkang tetapi katanya BN tidak akan menggunakan kempen negatif seperti itu.

"Apa yang penting ialah perpaduan rakyat. BN sentiasa menyatukan rakyat dan banyak berusaha untuk memastikan rakyatnya yang berbilang kaum dan agama sentiasa bersatu," katanya.

Beliau berkata, parti-parti pembangkang yang telah membentuk 'Barisan Alternatif' hanya mengambil kesempatan tanpa sebarang strategi atau cadangan demi kebaikan negara.

Dr Lim yang juga Menteri Perusahaan Utama berkata Gerakan akan mengemukakan senarai calon pilihan rayanya kepada Dr Mahathir, yang juga pengerusi BN dalam beberapa hari lagi.

Gerakan mewakili 10 kerusi Parlimen dan 27 kerusi negeri.

Ditanya sama ada parti beliau dan MCA akan bertukar kawasan pilihan raya, beliau berkata: "Kita bercakap mengenai satu atau dua kerusi tetapi saya rasa kita belum lagi mencapai sebarang perjanjian."

"Ia bukan isu yang penting kerana ia bukan merampas kerusi daripada pihak lain. Jika saya rasa ada calon Gerakan yang lebih baik di kawasan MCA dan MCA pula di sebaliknya, kita boleh saling bertukar."

Mengenai Pulau Pinang, Dr Lim mendakwa yang DAP telahpun merancang projek "Tanjung IV" untuk merampas negeri itu daripada BN.

Tetapi, katanya kita tidak boleh lupa bagaimana penduduk Pulau Pinang menolak inisiatif serupa sebelum ini.

"Kita akan menyerlah, dan kami percaya penduduk Pulau Pinang mahukan kestabilan, pembangunan dan lebih banyak lagi peluang dalam menghadapi cabaran di alaf baru.

Ditanya sama ada beliau terkejut dengan pengumuman Dr Mahathir itu, Dr Lim berkata: "Saya rasa ini masa terbaik untuk mengadakan pilihan raya, dan seperti biasa pertimbangan Perdana Menteri adalah yang terbaik...BN bersatu teguh di bawah kepimpinan Dr Mahathir."

-- BERNAMA

MAM YBY PR